

19 APR 1997

Mahathir-Tambak (Bergambar)

MAHATHIR DIBERI PENERANGAN PROJEK TAMBAK LAUT TERBESAR DI DUNIA

ALOR SETAR, 19 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini diberi penerangan mengenai cadangan projek penambakan laut sepanjang 100km di pesisir pantai Kedah, projek tambakan laut terbesar di dunia yang akan menjadi kawasan perindustrian baru di sebelah utara.

Taklimat di Wisma Darul Aman itu disampaikan oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan (Nahrim) yang dilantik sebagai perunding dan syarikat Samudera Baru Darul Aman Sdn Bhd, sebuah daripada sembilan syarikat yang mengemukakan cadangan memajukan kawasan itu.

Yang turut menghadiri taklimat itu Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid, para Exco kerajaan negeri, Anggota Dewan Undangan Negeri dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

Projek bernilai RM30,000 juta yang dijangka siap menjelang tahun 2020 itu merupakan ilham Sanusi yang dikemukakan pada November lepas yang bertujuan membangunkan kawasan itu dengan perindustrian, perumahan dan pekan kecil.

Ia dilakukan kerana kerajaan berpendapat, tanah di Kedah yang sebahagian besarnya kawasan pertanian dan gunung ganang tidak perlu "dikorbankan" untuk mendirikan kawasan perindustrian.

Ketua Pengarah Nahrim, Prof Datuk Dr Abdul Aziz Ibrahim berkata tambakan itu akan dilakukan dalam jarak 1 km dari pantai dan mempunyai sembilan pulau yang masing-masing dihubungkan dengan jambatan ataupun terowong.

Katanya, kawasan tambakan seluas 12,800 hektar itu tidak memberi kesan negatif kepada alam sekitar, mengelak berlakunya hakisan pantai dan dapat menghindar kemusnahan kawasan paya bakau serta menghindari masalah melandaikan bukit untuk tujuan komersil.

Menurutnya bahan tambakan adalah pasir laut dengan menggunakan kaedah tambakan hidro.

Pengerusi Samudera Baru Darul Aman Azizan Abdul Rahman dalam taklimatnya berkata projek itu berdaya maju dan dapat memesatkan lagi pertumbuhan perindustrian di Kedah.

Beliau berkata, antara projek yang dicadangkan adalah pembinaan lapangan terbang, lebuh raya pesisir pantai menghubungkan Perlis dengan Butterworth, Pulau Pinang dan pelabuhan perdagangan serta perikanan.

Selepas itu Dr Mahathir diberi taklimat mengenai pembangunan Pulau Bunting yang akan dimajukan sebagai pelabuhan perdagangan dan taklimat projek taman tema di Jitra.

-- BERNAMA

MZM AHH